



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PENGANJURAN PROGRAM KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN DI PARLIMEN SEPUTEH, TITIWANGSA DAN WANGSA MAJU

KUALA LUMPUR, 11 Februari 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menghadiri program Kenduri 1Wilayah Persekutuan di tiga (3) lokasi melibatkan Parlimen Seputeh (Pangsapuri Teratak Muhibbah, Taman Desa), Parlimen Titiwangsa (Dewan Komuniti, Taman Maluri) dan Parlimen Wangsa Maju (Pangsapuri Teratai Mewah Jalan Langkawi). Program dihadiri oleh kira-kira 2,000 orang komuniti setempat dalam memeriahkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan menerusi Kenduri 1Wilayah Persekutuan.

Kenduri 1Wilayah Persekutuan merupakan program *signature* sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat yang diadakan di 13 lokasi mengikut Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan bertujuan untuk menyemai serta membudayakan semangat kerjasama, keharmonian dan integrasi kaum. Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu instrumen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan khususnya di Wilayah Persekutuan. Program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui penganjuran aktiviti komuniti mesra rakyat yang dilaksanakan.

Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang dilaksanakan juga turut menjadi medium penyaluran maklumat secara langsung kepada komuniti setempat dalam konsep yang lebih santai tanpa dengan memberi penekanan kepada aspek “kesamarataan” antara rakyat dan juga pemimpin bagi menyahut konsep “Rakyat Didahulukan”. Program

Kenduri 1 Wilayah Persekutuan juga bertujuan untuk menyemarakkan faktor *feel good* di kalangan warga Wilayah Persekutuan agar terus mempunyai keyakinan yang mendalam terhadap usaha Kerajaan dalam membawa program pembangunan, mengeratkan jaringan kerjasama rakyat dengan Kerajaan serta mengekalkan perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian khususnya di Wilayah Persekutuan.

Seiring dengan matlamat penganjuran program ini pelbagai aktiviti telah diatur merangkumi kumpulan sasar, peringkat umur dan juga kaum. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program berlangsung seperti senamrobik, pertandingan mewarna, sukaneka, persembahan pentas, pertandingan futsal, gerai pameran dan cabutan bertuah.

Menurut YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat khususnya di Wilayah Persekutuan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang terbaik daripada semua usaha yang dibuat. Antara usaha yang dibuat menganjurkan program-program pembersihan dan pengindahan yang dibuat secara berjadual bagi mengurangkan gejala penyakit yang berbahaya seperti demam denggi, zika dan demam kepialu. Selain itu, melaksanakan aktiviti penyelenggaraan kemudahan awam dan perumahan penduduk bagi memastikan kesejahteraan penduduk terjaga.

Program perkhidmatan bas sekolah secara percuma juga dilaksanakan dan memberi manfaat kepada 8,072 pelajar yang merupakan anak-anak penghuni rumah Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam di sekitar ibu kota. Pendekatan ini merupakan inisiatif baharu kerajaan bagi menangani kemiskinan bandar serta mengurangkan beban dan kos sara hidup.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

12 Februari 2017